

Memodenkan jentera pilihan raya

Oleh G. MANIMARAN
(WARTAWAN UTUSAN)

KETIKA Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengendalikan pilihan raya pertama pada tahun 1959, jumlah pengundi berdaftar hanya dalam lingkungan dua juta orang. Kini bilangan pemilih berdaftar mencecah 10.3 juta orang, daripada 15.1 juta orang yang sepatutnya sudah pun berdaftar (bermakna masih ada hampir lima juta rakyat yang layak tetapi belum berbuat demikian).

Kedua, perbelanjaan untuk menguruskan pilihan raya pertama cuma kira-kira RM1 juta. Sebaliknya, sebanyak RM110 juta diperuntukkan kepada SPR untuk menguruskan pilihan raya umum 2004 manakala RM220 juta diperlukan untuk pilihan raya umum ke-12, yang dijangka diadakan pada bila-bila masa mulai sekarang.

Keperluan RM220 juta - kos terbesar dalam sejarah SPR termasuklah bagi perbelanjaan menyediakan kemudahan peti-peti undi lut sinar bagi menggantikan peti undi besi yang menjadi lambang proses pilihan raya negara ini sepanjang 50 tahun lalu. Peruntukan besar itu turut merangkumi keperluan SPR untuk menaik taraf sistem perhubungan dan sistem kerja.

"Semua ini (peruntukan jumlah wang yang banyak) tidak terbuang dengan sia-sia kerana diperlukan untuk memperbaiki sistem perjalanan pilihan raya, fungsi dan peranan yang perlu dijalankan oleh SPR.

"Perbelanjaan ini adalah satu jumlah yang munasabah apabila dibandingkan dengan faedah yang diperoleh rakyat," kata Pengerusi SPR, Tan Sri Ab. Rashid Ab. Rahman.

Pertambahan jumlah pemilih berdaftar dan kos pengurusan pilihan raya cuma dua aspek yang menggambarkan perjalanan SPR yang ditubuhkan pada 4 September 1957 - empat hari selepas negara mencapai kemerdekaan bagi menegakkan salah satu komponen prinsip demokrasi negara ini.

Penubuhan SPR adalah selaras dengan Artikel 113 hingga 120 Perlembagaan Persekutuan, kata beliau dalam temu bual khas dengan *Utusan Malaysia* di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, suruhanjaya ditubuhkan dengan tiga fungsi utama iaitu menjalankan kerja-kerja persempadanan semula bahagian pilihan raya, menjalankan kerja-kerja pendaftaran pemilih dan menyediakan daftar pemilih, dan mengadakan pilihan raya.

Pilihan raya tahun 1959 merupakan yang pertama selepas negara merdeka. Empat tahun sebelumnya telah diadakan pilihan raya menjelang pembentukan Persekutuan Tanah Melayu. Tetapi ia diuruskan oleh badan yang dibentuk oleh British ketika itu.

Ketika mengendalikan pilihan raya pertama selepas merdeka, SPR, jelas Ab. Rashid, hanya terdiri daripada tiga anggota termasuk seorang pengerusi dan menggunakan tenaga kerja sokongan kira-kira 20,000 orang.

Pada hari ini, suruhanjaya mempunyai tujuh anggota termasuk pengerusi dan timbalannya dan memerlukan hampir 200,000 pekerja sokongan yang diambil secara kontrak dan sambil. Kakitangan dan pegawai-pegawai SPR pula berjumlah 550 orang di seluruh negara. Ia satu lagi aspek yang memperlihatkan kemajuan dilalui SPR.

Sehingga kini, SPR telah mengendalikan 11 pilihan raya umum bermula dengan pilihan raya umum pertama pada 1959 dan yang terakhir iaitu pilihan raya umum yang ke-11 pada 2004.

"Beratus-ratus pilihan kecil juga telah diadakan sejak negara merdeka," kata beliau sambil menambah, kesemua pilihan raya berjalan dengan aman dan baik.

Peka

"Rakyat Malaysia yang peka tentang tanggungjawab mereka telah mengambil bahagian yang aktif dalam kehidupan politik negara, sekurang-kurangnya jika tidak berkecimpung secara tidak langsung dalam politik, parti politik tetapi sebagai pengundi," kata beliau.

Pendeknya, jelas beliau, perkembangan itu bukan sahaja sesuai dengan kehendak seluruh rakyat tetapi sesuai juga dengan prinsip-prinsip demokrasi yang diamalkan oleh negara. Sehubungan itu, jelas Ab. Rashid, suruhanjaya tersebut, juga dari segi struktur, berkembang mengikut masa dan keperluan-keperluan yang wujud bagi setiap kali pilihan raya dijalankan.

Evolusi undang-undang pilihan raya juga mencerminkan kemajuan SPR. Dari segi undang-undang, kata Ab. Rashid, SPR berfungsi dan menjalankan urusan pilihan raya menggunakan dua bentuk undang-undang iaitu yang bersifat struktur dan prosedur.

Akta Pilihan Raya 1958, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) (1981), Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya (Pindaan 2006), Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) (Pindaan 2006) dan Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) (2002) adalah sebahagian dalam rangka perundangan yang digunakan oleh SPR secara langsung.

"Di samping itu, SPR juga tertakluk kepada undang-undang lain yang terpakai, undang-undang sivil dan jenayah. Akta-akta ini memainkan peranan dalam menentukan pilihan raya dijalankan secara teratur dalam



Malaysiaku Gemilang

keadaan aman," katanya.

Sebahagian undang-undang secara langsung itu mencerminkan bahawa ia telah digubal sejak sebelum negara merdeka dan digunakan untuk menjalankan pilihan raya di negara ini. SPR mewarisinya bagi kegunaan pada era-era yang menyusul.

Bagaimanapun menurut Ab. Rashid, yang pernah memegang jawatan sebagai Setiausaha SPR paling lama, sejak tahun 1979, dan antara orang paling lama berkhidmat dengan suruhanjaya itu memberitahu: "Selepas merdeka, dan apabila Malaysia ditubuhkan pada 1963, pindaan ke atas undang-undang pilihan raya dilakukan merangkumi negeri Sabah dan Sarawak."

Pameran

Sempena sambutan ulang tahun ke-50, jelas beliau, pihaknya mengaturkan tiga program iaitu pelancaran buku dan filem khas serta pameran bergerak yang ketiga-tiganya bertemakan *50 Tahun Demokrasi dan Pilihan Raya Di Malaysia*.


Biasanya sistem pemilihan boleh dijalankan menggunakan sistem *proportional* dan sistem mudah (*simple first-past-the-post*).

Kini SPR memiliki Akademi Pilihan Raya (APR) - entiti terbaru bagi memperkukuhkan fungsi dan peranannya. Dengan adanya akademi itu, modul dan program latihan yang lebih sistematik secara berterusan akan dilaksanakan bagi melatih petugas-petugas pilihan raya mengenai undang-undang, peraturan-peraturan serta prosedur-prosedur tentang pengurusan pilihan raya.

Dalam buku bertajuk *Penjalanan Pilihan Raya Malaysia*, yang ditulis beliau pada 1994, Ab. Rashid berkata: "Pilihan raya adalah manifestasi kepada kebebasan hak rakyat memilih kerajaan."

"Ini mendasari hakikat bahawa proses perjalanan pilihan raya perlu diselami oleh semua khususnya mereka yang terlibat dalam

Sehingga kini, SPR telah mengendalikan 11 pilihan raya umum bermula dengan pilihan raya umum pertama pada 1959 dan yang terakhir iaitu pilihan raya umum yang ke-11 pada 2004



SEBAGAI badan yang diamanahkan untuk mengendalikan pilihan raya, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) juga menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke-50 ketika negara menyambut ulang tahun kemerdekaan ke-50 bulan depan.

parti politik."

Sejak merdeka, pilihan raya menjadi salah satu petunjuk penting perkembangan politik di Malaysia, demikian jelas Mohd. Shukri Hajinour dan Zaini Othman dalam buku bertajuk *Pilihan Raya dan Politik Baru Malaysia* terbitan Universiti Kebangsaan Malaysia. Buku tersebut membahagikan pilihan raya mengikut era prapilihan raya 1969 dan pascapilihan raya 1969. Tiga tahun kemudian, ekoran pilihan raya umum 1999, wujud satu lagi era baru, yang membawa Malaysia ke sistem politik baru pada alaf baru.

Ia serba sedikit memberi cabaran kepada perjalanan SPR. Dari segi bentuk struktur, suruhanjaya ini tidak banyak berubah tetapi perubahan undang-undang yang berbenut prosedur mengemas kini dan memperkukuhkan arah tuju amalan demokrasi.

Pertambahan bilangan pemilih berdaftar, penambahbaikan prasarana pengurusan pilihan raya, penggunaan kemudahan teknologi

maklumat dan komunikasi (ICT), pindaan-pindaan undang-undang pilihan raya termasuk kedua-dua bentuk struktur dan prosedur dan yang terakhir usaha untuk menggunakan peti lut sinar menggambarkan perubahan luaran di pihak SPR.

Di sebalik perjalanan selama 50 tahun ini, suruhanjaya ini tidak pernah bebas daripada kritikan dan kecaman banyak pihak yang terlibat dalam pilihan raya negara ini. Dalam keadaan tertentu, ia pernah dipuji dan menerima penghargaan banyak pihak.

Apa pun, pengalaman 50 tahun lalu menggambarkan SPR, di sebalik kekurangan dan kelemahan di sana sini, telah mampu menjalankan tugas, tanggungjawab dan peranan dengan baik untuk memastikan setiap rakyat berpeluang menyertai sistem politik negara ini dari peringkat awal.

Seiring dengan proses modenisasi dan pembangunan negara, SPR juga memodenkan jentera perjalanan pilihan raya. Sifat dinamik suruhanjaya ini akan tercerah dengan keperluan dan kehendak masa kelak.